

Artikel Penyelidikan

Menyingkap kisah bekas Bintara Kanan Tentera Laut Diraja Malaysia: Encik Kamaludin bin Kasim

Noor Arina Md Arifin^{1*}, Fatin Nur Zulkipli², Muhammad Syahmi Mohd Arif³ dan Imran Hakim Adnan⁴

1 UiTM Cawangan Kelantan; arina848@uitm.edu.my;  ORCID ID 0000-0002-2900-0026

2 UiTM Cawangan Kelantan; fatinnurzul@uitm.edu.my;  ORCID ID 0000-0003-3234-9066

3 UiTM Cawangan Kelantan; syahmiarif1@gmail.com

4 UiTM Cawangan Kelantan; imranhakim281@gmail.com

* Correspondence: arina848@uitm.edu.my; 0179620049.

Abstrak: Kajian ini membicarakan tentang seorang tokoh Tentera Laut Diraja Malaysia iaitu Encik Kamaludin bin Kasim yang merupakan bekas Bintara Kanan untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya. Bekas Bintara Kanan Tentera Laut Diraja Malaysia. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis titik permulaan sebagai pegawai TLDM sekaligus mengupas pengalaman beliau sepanjang perkhidmatan. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif berdasarkan temu bual dan rujukan dokumentasi atau sumber sekunder bagi melengkapkan pengumpulan data. Dapatkan kajian seperti latar belakang, pendidikan, pengalaman, cabaran dan sumbangan beliau sepanjang berkhidmat juga turut diceritakan di dalam kajian ini.

Kata kunci: TLDM, Tahun Melawat Malaysia, bidang kerja tentera laut, pengalaman berkhidmat,



Copyright: © 2022 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Tentera Laut merupakan komponen penting dalam konsep kuasa laut yang berfungsi mempertahankan keselamatan tanah air dan alat yang penting bagi tujuan menjaga kepentingan Negara di laut. (Yunus. A. 1995). Tentera Laut Diraja Malaysia atau lebih dikenali dengan singkatan TLDM, merupakan sebuah unit pertahanan Malaysia yang memikul tanggungjawab ke atas operasi pengawasan dan pertahanan maritim negara. Meskipun unit pertahanan merupakan satu unit yang amat penting kepada negara, namun masih terdapat segelintir rakyat khususnya golongan muda yang tidak menghargai jasa mereka, bahkan tidak mengetahui tugas yang yang dilakukan anggota TLDM ini.

Seperti yang dilaporkan oleh PeKhabar (2016), penubuhan Tentera Laut Diraja Malaysia bermula dengan pengambilan orang-orang melayu pada tahun 1934 untuk berkhidmat sebagai anggota simpanan dengan Tentera Laut British kemudian Kanun Straits Settlement No 3 tahun 1934, memberi kuasa untuk menubuhkan 'The Straits Settlement Royal Naval Volunteer Reserve' (SSRNVR). Pasukan pertama SSRNVR ditubuhkan pada 27 April 1934 dan pasukan kedua ditubuhkan di Pulau Pinang pada tahun 1939. SSRNVR kemudian dikenali sebagai Malayan Royal Navy Volunteer Reserve (MRNVR).

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Pernyataan masalah merupakan isu atau masalah yang ingin dikaji dalam sesuatu penyelidikan. Pernyataan masalah bagi kajian ini adalah kurangnya pendedahan mengenai skop kerja yang dilaksanakan anggota TLDM terutamanya golongan muda yang mengambil ringan isu keselamatan negara dan kurang semangat patriotik dalam diri mereka. Selain itu, kurangnya kajian mengenai tokoh-tokoh wira negara seperti bekas Bintara Kanan Tentera Laut Diraja Malaysia seperti Encik Kamaludin bin Kasim. Perkara ini dapat diperjelaskan apabila kajian mengenai tokoh wira seperti ini dapat diketengahkan kepada umum. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, kajian terdahulu mengenai tokoh wira negara tidak banyak malah masih ramai yang tidak mengenali tokoh-tokoh wira negara seperti Encik Kamaludin bin Kasim yang banyak menyumbangkan jasa dan sumbangan dalam mempertahankan keselamatan negara.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Berikut adalah objektif secara spesifik bagi kajian ini. Objektif-objektif ini juga bertujuan untuk membantu penulis memastikan artikel ini dapat memberi impak kepada pembaca dan pengkaji-pengkaji yang bakal menjadikan artikel ini sebagai sumber rujukan di masa hadapan.

- 3.1 Memastikan skop kerja anggota TLDM dapat dihuraikan dengan lebih mendalam.
- 3.2 Memastikan golongan muda mendapat pencerahan tentang TLDM agar semangat patriotisme bangkit dalam jati diri mereka.
- 3.3 Menghuraikan skop kerja anggota TLDM dengan lebih terperinci agar golongan muda lebih bersemangat untuk berbakti kepada Negara.

4. PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ini memberi fokus kepada penglibatan Encik Kamaludin bin Kasim, Bekas Bintara Kanan Tentera Laut Diraja Malaysia dengan TLDM. Persoalan kajian ini berkaitan:

- 4.1 Apakah perkara yang membuatkan beliau tertarik untuk menyertai TLDM?
- 4.2 Bagaimanakah penglibatan beliau dalam unit TLDM sehingga mampu untuk menyertai lawatan, latihan di peringkat antarabangsa?
- 4.3 Apakah perkara yang boleh membangkitkan semangat patriotik dalam kalangan rakyat Malaysia, khususnya golongan muda?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan bersama Encik Kamaludin bin Kasim, terdapat beberapa sumbangan dan kepentingan yang dapat dikongsi untuk kebaikan banyak pihak terutama golongan-golongan generasi muda rakyat Malaysia. Hal ini kerana, semangat patriotik perlu ditanam di dalam diri setiap rakyat Malaysia, agar rakyat Malaysia lebih sayangkan negara dan sentiasa bersedia untuk berkhidmat dan menabur bakti kepada negara. Selain itu, dengan pencerahan mengenai skop kerja anggota TLDM, masyarakat lebih memahami peranan anggota TLDM sekaligus membangkitkan unsur patriotik di kalangan mereka. Oleh itu, segala usaha yang boleh digunakan untuk mendedahkan mengenai skop kerja dan tugas TLDM perlu dilaksanakan sejak di bangku sekolah lagi agar golongan-golongan muda hari ini lebih membuka mata dan membangkitkan semangat ingin menyertai anggota TLDM sewaktu mereka besar nanti.

Di samping itu, antara kepentingan kajian ini adalah untuk menanam semangat patriotik dalam setiap individu rakyat Malaysia agar golongan muda khususnya lebih sayang negara dan tidak melakukan perkara yang mendatangkan kemudaratannya kepada negara dan diri mereka. Hal ini kerana,

jika kita lihat pada zaman teknologi moden ini, golongan muda lebih suka untuk melontarkan kata cacian sesama kaum di Malaysia tanpa memikirkan akibat perbuatan tersebut pada masa mendatang. Hal tersebut berlaku kerana kurangnya sifat patriotik dalam diri mereka sehingga mereka berani untuk melemparkan kata-kata yang berunsurkan perkauman di laman media sosial.

6. TINJAUAN LITERATUR

Tanggungjawab utama TLDM ialah menjaga kedaulatan perairan negara bermula dari persisiran pantai sehinggalah kepada 12 batu nautika dari pantai dan kepentingan nasional (Utusan, 2021). Keselamatan perairan Malaysia yang secara relatifnya aman adalah disebabkan faktor berakhirnya perang dingin dengan kehadiran kuasa besar yang memberi satu keseimbangan kuasa yang menguntungkan Malaysia. (Azrul. N. F, & Hanizah. I, 2007). Menurut Bernama (2019), tugas teras TLDM adalah melindungi integriti wilayah negara dan juga diamanahkan untuk memainkan peranan dalam aspek lain agenda pembangunan negara seperti pembinaan kapasiti, industri pertahanan negara, pemuliharaan alam sekitar marin dan kerjasama dengan agensi maritim yang lain untuk mengekalkan ketenteraman di laut.

Maklumat daripada laman sesawang TLDM, sejarah penubuhan Tentera Laut Diraja Malaysia bermula dengan kemasukan orang melayu ke dalam Tentera Laut British sebagai anggota simpanan pada tahun 1934. Oleh hal demikian, maka tertubuhlah ‘The Straits Settlement Royal Naval Volunteer Reserve’ (SSRNVR) atas Kanun Straits Settlement No 3 tahun 1934. Permulaan bagi pasukan pertama SSRNVR adalah pada 27 April 1934 diikuti dengan pasukan kedua yang ditubuhkan di Pulau Pinang pada 1939. Pasukan SSRNVR kemudian dikenali sebagai Malaysia Royal Navy Volunteer Reserve (MRNVR). Dengan keanggotaan yang seramai 650 laskar yang terdiri dari anak tempatan dan 158 pegawai British. Seterusnya, untuk memperkuatkan lagi perairan di Tanah Melayu pihak British telah menubuhkan ‘Royal Navy Malay Section’ (TLDM, 2023).

TLDM sering juga dikenali dengan gelaran *The Navy People* yang di ambil dari Tentera Laut Diraja Australia yang menamakan warganya sebagai *Our People*. Istilah *The Navy People* telah mula diperkenalkan di dalam TLDM bermula pada tahun 2017 di mana ungkapan *The Navy People* sering digunakan di perutusan rasmi Pengurusan Tertinggi TLDM dan digunakan secara meluas, bukan sahaja merangkumi warga TLDM yang masih berkhidmat serta keluarga mereka, malah turut melibatkan para Veteran TLDM. Diharap penjelasan ringkas ini dapat merungkai persoalan yang kerap ditanya oleh warga TLDM dan juga awam berkaitan istilah *The Navy People*. Semoga ianya memberi impak dan maksud yang positif untuk kecemerlangan organisasi (Adli Chung, 2022). TLDM hari ini terus berkembang dengan peningkatan jumlah anggota dalam pelbagai kepakaran dan pertambahan aset penting. Kini tanggungjawab dan peranan TLDM bertambah seiring cabaran menangani ancaman dalam pelbagai dimensi. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan TLDM untuk meningkatkan penguasaan sempadan Negara (Utusan Malaysia, 27 April 2021).

7. METODOLOGI

Kaedah yang digunakan untuk kajian lisan ini ialah secara kualitatif iaitu temu bual yang berlangsung antara penemubual dengan tokoh di mana dalam temu bual ini, tokoh akan diberi soalan berdasarkan tajuk yang berkaitan dan maklumat ini akan direkodkan untuk tujuan menjayakan kajian lisan ini. Selain itu, maklumat yang diperolehi dari temu bual ini juga akan digabungkan dengan maklumat dari sumber yang lain agar dapat menyokong kajian lisan ini. Kajian sejarah lisan ini merupakan bidang yang sangat luas kerana terdapat pelbagai golongan seperti orang biasa, pemimpin masyarakat, orang korporat, penulis buku, pengarah dan sebagainya yang perlu dititikberatkan (Rozeman, 2014). Menurut Siti et al., (2012) menyatakan maksud sejarah lisan adalah cara dalam mencatat kejadian yang

lepas yang pernah dilalui oleh individu. Data-data mengenai sesuatu sejarah yang dapat disempurnakan melalui sejarah lisan kerana ia masih disimpan oleh individu yang terlibat. Sehubungan dengan itu, matlamat metodologi ini digunakan adalah untuk mengerti dengan lebih mendalam dan terperinci lagi mengenai pengaplikasi cara-cara dengan membuat huraian tentang proses kajian data serta prosedur.

Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian biografi terhadap salah seorang bekas Bintara Kanan Tentera Laut Diraja Malaysia iaitu Encik Kamaludin bin Kasim. Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian biografi terhadap beliau kerana perasaan ingin tahu mengenai riwayat hidup tokoh ini membuka-buka di benak fikiran. Untuk langkah awal, pengkaji telah menghubungi Encik Kamaludin bin Kasim dan setelah beliau bersetuju untuk menjadi tokoh yang ingin di temubual oleh pengkaji, Surat Perjanjian Mengenai Projek Sejarah Lisan telah dihantar dan ditandatangani oleh beliau sebagai tanda persetujuan bahawa hasil rakaman temubual ini diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA. Beliau juga menyambut baik pelawaan pengkaji untuk menemubualnya dan begitu teruja apabila kajian yang dijalankan terhadapnya ini turut menggamt memori masa lalunya yang penuh dengan nostalgia, terutamanya semasa beliau berkhidmat di Tentera Laut Diraja Malaysia.

Pengkaji telah mengaplikasikan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data di mana ia dijalankan dengan temubual tokoh tersebut dan segala maklumat telah dirakam untuk dijadikan bahan bukti kajian. Setiap maklumat penting yang disebut oleh Encik Kamaludin bin Kasim dicatat oleh pengkaji. Sebelum menjalankan sesi temubual tersebut, pengkaji terlebih dahulu mengadakan pratemubual bersama-sama dengan tokoh untuk mendapatkan maklumat asas berkenaan diri beliau dan dalam pada masa yang sama, pengkaji juga turut berkongsi serba-sedikit latar belakang serta menjelaskan tujuan kajian yang dijalankan. Kaedah kajian yang diaplikasikan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini adalah dengan temubual tokoh secara lisan menggunakan aplikasi persidangan video dalam talian iaitu Google Meet, mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dan persetujuan antara dua pihak. Setelah melalui beberapa proses sehingga tamat sesi temubual tersebut, langkah seterusnya yang diambil oleh pengkaji ialah membuat satu salinan video rakaman temubual dan proses mentranskripsikan setiap bait kata yang dituturkan oleh tokoh dilakukan sejurus itu.

8. HASIL KAJIAN

8.1 Latar Belakang Tokoh

Encik Kamaludin bin Kasim adalah merupakan bekas Bintara Kanan TLDM. Beliau dilahirkan di Kuala Nerang, Kedah. Gambar 1 menunjukkan Encik Kamaludin yang merupakan bekas Bintara Kanan TLDM. Kedua orang tua beliau merupakan petani dan mereka juga menanam padi sebagai salah satu sumber pendapatan mereka. Kasih sayang dan perhatian tidak berbelah bahagi yang diberikan kepada Encik Kamaludin oleh kedua insan tercinta ini telah berjaya membuatkan beliau menjadi seorang yang berguna, berdisiplin tinggi dan sentiasa taat terhadap perintah Allah S.W.T.



Gambar 1: Encik Kamaludin bin Kasim, bekas Bintara Kanan TLDM

8.2 Latar Belakang Pendidikan

Encik Kamaludin telah menerima pendidikan awal beliau di Sekolah Kebangsaan Pedu di Kuala Nerang, Kedah. Seterusnya, Encik Kamaludin menyambung pendidikan beliau di Sekolah Menengah Dato' Syed Ahmad di Kuala Nerang. Beliau meneruskan pendidikan beliau di sekolah tersebut sehingga beliau berumur 15 tahun. Pada umur 16 tahun, beliau ditawarkan ke Sekolah Pertukangan Perantis Angkatan Tentera untuk mengambil Sijil Vokasional Malaysia di Port Dickson. Encik Kamaludin berjaya memasuki sekolah tersebut namun, beliau terpaksa menarik diri kerana beliau belum dapat untuk membiasakan diri beliau di tempat yang baharu. Selepas beliau menarik diri daripada sekolah perantis tersebut, beliau kembali sambung pendidikan beliau di Sekolah Menengah Dato' Syed Ahmad di Kuala Nerang. Beliau tidak berjaya untuk memperolehi keputusan yang memberangsangkan dalam peperiksaan SPM, dek kerana beliau tidak dapat untuk mengejar segala perkara yang tertinggal akibat daripada perpindahan sekolah tersebut. Namun begitu, perkara tersebut tidak mematahkan semangat beliau untuk terus mencapai kejayaan dalam hidup beliau.

Beliau mempunyai seorang isteri bernama Sarina binti Rusman, yang menjadi punca untuk beliau terus tabah untuk mencari rezeki dalam bidang tentera laut. Hasil daripada perkahwinan tersebut mereka dikurniakan dua cahaya mata, seorang lelaki dan seorang perempuan, yang amat mereka kasih. Anak yang pertama bernama Luqman Hakim dan anak yang kedua bernama Intan Khairunnisa. Kedua-dua anak Encik Kamaludin sekarang sedang melanjutkan pelajaran di peringkat diploma dan ijazah. Pada awal perkahwinan, Puan Sarina jatuh sakit dan Encik Kamaludin tidak dapat berada di samping isteri beliau kerana bertugas di atas kapal. Perkara tersebut adalah perkara yang menyukarkan bagi beliau, tetapi beliau tetap kuat demi isteri tercinta.

Encik Kamaludin berkhidmat sebagai anggota TLDM kira-kira selama 19 tahun, dan kini berkhidmat sebagai Pegawai Waran 2 Maritim. Pengalaman sebagai anggota tentera laut selama 19 tahun amatlah memberi kesan kepada Encik Kamaludin. Menurut beliau, banyak perkara di dalam TLDM yang dapat membantu beliau dan masyarakat agar menjadi masyarakat yang lebih harmoni. Beliau juga merupakan antara anggota terawal yang menyertai Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia pada penubuhannya pada tahun 2005.

8.3 Permulaan kerjaya dalam bidang tentera laut

Encik Kamaludin bin Kasim memulakan kerjaya beliau sewaktu beliau berumur 18 tahun lagi. Beliau tidak menghabiskan masa yang lama selepas menerima keputusan SPM beliau, lalu memutuskan untuk menyertai tentera laut. Pada awalnya beliau menyertai tentera laut untuk menyambung pendidikan beliau, namun disebabkan kekangan tugas, beliau tidak dapat untuk berbuat sedemikian. Pemilihan tentera laut tersebut telah diadakan di sekolah menengah beliau iaitu di Sekolah Menengah Dato' Syed Ahmad di Kuala Nerang. Berkat doa kedua ibu bapa beliau, seramai tiga orang sahaja yang berjaya melepas temuduga tersebut, termasuklah beliau sendiri.

Selepas beliau berjaya melepas temuduga tersebut, beliau dikehendaki untuk melapor diri dan menjalani tugas di Training Center di Woodland, Singapore. Disebabkan pada ketika itu beliau baru sahaja berumur 18 tahun dan belum mencapai umur 21 tahun, beliau melaporkan diri di pusat latihan tersebut bersama dengan ibu bapa beliau. Pada awalnya, kedua ibu bapa beliau tidak setuju untuk melepaskan anak beliau menyertai tentera laut. Namun selepas diyakinkan oleh beliau, kedua ibu bapa mereka menjadi punca untuk beliau terus bersemangat menabur bakti kepada negara. Sewaktu beliau melapor diri di Woodland, beliau dikehendaki untuk menjalani latihan fizikal yang menurut beliau tersangatlah mencabar. Selepas selesai latihan fizikal atau dipanggil sebagai latihan asas selama enam bulan di Woodland, beliau berserta dengan ahli rekrut yang lain seramai 610 orang, dipindahkan ke Lumut, Perak, iaitu di Pusat Latihan KD Pelandok. Menurut beliau, perpindahan tersebut juga amatlah memenatkan kerana proses perpindahan tersebut dilaksanakan pada bulan Ramadhan. Di Pusat Latihan KD Pelandok, beliau dikehendaki untuk menyertai latihan fizikal, menyertai kelas pelbagai subjek dan juga subjek kepakaran. Menurut beliau, pihak tentera laut menyediakan sebuah kapal iaitu KD Indera Sakti yang mampu menampung seramai 600 ahli rekrut dan 200 hingga 300 kres kapal. Kapal tersebut adalah bertujuan untuk memindahkan ahli rekrut yang baharu ke Lumut, Perak.

8.4 Pengalaman terlibat dalam Tahun Melawat Malaysia yang pertama

Tiada perkara lain lagi yang patut dibanggakan seseorang selain daripada pernah menabur jasa dan bakti kepada negara tercinta. Encik Kamaludin secara tidak langsung terlibat dalam Tahun Melawat Malaysia yang pertama pada tahun 1990, apabila beliau dan juga ahli yang lain mengikuti lawatan ke negara Oman, Pakistan, India dan juga Maldives. Menurut beliau keadaan di Goa, India pada waktu tersebut amatlah menyediakan kerana masyarakat yang agak mundur dan ekonomi mereka yang tidak stabil. Beliau merasakan bahawa mempromosikan Malaysia pada negara India pada waktu tersebut adalah perkara yang sukar kerana beliau melihat persekitaran masyarakat India pada waktu tersebut amatlah menyukarkan.

Beliau kemudian berlayar ke negara Pakistan untuk tujuan yang sama. Keadaan di Pakistan tidak jauh beza dengan keadaan di India. Beliau juga pernah ditipu oleh penduduk di Pakistan dan mengalami sedikit kesukaran, sewaktu beliau mula-mula sampai di negara tersebut. Selepas selesai mempromosikan di Pakistan, beliau menuju ke Maldives. Beliau memuji Maldives disebabkan persekitarannya yang cantik, serta masyarakat yang membantu mereka sewaktu lawatan tersebut. Negara yang terakhir untuk lawatan tersebut adalah Oman.

Sebagai rakyat Malaysia, Encik Kamaludin telah menggalas tugas beliau dalam bidang tentera laut untuk memperkenal Malaysia pada Tahun Melawat Malaysia yang pertama. Lawatan ke luar negara tersebut bukanlah lawatan hanya untuk mencuci mata sahaja. Anggota TLDM menjalani latihan bersama-sama dengan anggota tentera laut dari negara-negara luar tersebut, untuk menambahkan pengalaman dan pengetahuan mereka dalam tentera laut. Lawatan itu juga boleh membantu menjalankan hubungan antara tentera-tentera laut tersebut yang boleh membawa kesan yang positif kepada mereka pada masa akan datang.

8.5 Skop kerja sebagai tentera laut

Mungkin ramai antara masyarakat di Malaysia yang tidak mengetahui skop pekerjaan seorang anggota TLDM. Menurut Encik Kamaludin, skop pekerjaan anggota tentera laut adalah lebih cenderung kepada operasi pengawasan dan pertahanan maritim negara dan mengekang pencerobohan asing. Beliau menegaskan bahawa, remaja yang berminat untuk menyertai TLDM, jangan mempunyai rasa takut untuk mencuba. Mereka hanya perlu melepas ujian fizikal untuk memasuki tentera laut, dan segala kemahiran untuk bertahan di atas kapal akan diajarkan oleh pihak TLDM. Remaja yang tidak mempunyai rekod pelajaran yang tinggi juga boleh ikut serta untuk kelayakan tentera laut. Bagi remaja yang mempunyai sijil pelajaran yang tinggi, mereka juga perlu melepas ujian fizikal. Sijil pelajaran tersebut adalah bertujuan untuk membantu mereka menaiki pangkat dalam tentera laut dengan lebih cepat. Tambahan lagi, remaja yang ingin menceburi bidang tentera laut tidak perlu berasa malu dengan keputusan peperiksaan yang tidak cemerlang. Hal ini kerana apabila mereka diterima masuk ke dalam TLDM, semuanya akan menjalani latihan yang sama. Sama ada remaja tersebut mempunyai sijil pelajaran yang cemerlang ataupun tidak. Jadi, mereka hanya perlu berasa yakin dan menjalani latihan di dalam TLDM dengan cemerlang sambil menunjukkan potensi mereka dengan sehabis baik.

Encik Kamaludin juga menegaskan bahawa, kemahiran berenang juga adalah merupakan perkara yang wajib untuk setiap ahli tentera laut. Hal ini adalah untuk memastikan mereka yang bertugas di atas kapal mampu untuk bertahan dan memohon bantuan, jika perkara kecemasan berlaku sewaktu bertugas. Pada masa yang sama, disiplin dan sikap saling menghormati antara anggota tentera laut juga merupakan nilai yang perlu ada dalam setiap anggota tentera laut. Selain itu, beliau juga menegaskan bahawa dengan menyertai tentera laut, mereka dapat menerokai dunia secara percuma. Sesuai dengan slogan mereka "*Join Navy to see the world*", anggota tentera laut dapat berlayar ke seluruh dunia secara percuma. Lawatan tersebut bukanlah hanya lawatan untuk mereka pergi bercuti. Lawatan tersebut merupakan peluang bagi mereka untuk menambah pengalaman di negara orang dan menjalinkan hubungan rapat dengan pasukan tentera laut yang lain.

9. KESIMPULAN

Kesimpulannya, kita dapat lihat bertapa hebatnya tugas seorang anggota TLDM ini dalam menjaga perairan negara kita ini dari anasir-anasir jahat bagi memastikan kita dapat hidup dengan aman. Selain itu, tugas sebagai seorang anggota TLDM ini mampu menunjukkan semangat patriotik yang tinggi kerana kerjaya ini amatlah tinggi penghargaan di mata rakyat Malaysia. Seterusnya, kajian ini dapat membantu mengumpulkan maklumat tentang kerjaya sebagai seorang anggota TLDM yang mana dapat menunjukkan kepentingan TLDM dalam negara selain memupuk semangat patriotik dalam diri mereka dan rakyat Malaysia yang lain. Tambahan pula, Encik Kamaludin ini, merupakan anggota TLDM yang agak lama yang telah berkhidmat selama 19 tahun. Ini menunjukkan betapa tingginya, semangat patriotik dalam diri beliau.

Rujukan

Azrul Nor Fadzilah & Hanizah Idris. (2007). Perubahan Peranan Tentera Laut dan Agensi-Agenzi Penguatkuasaan Maritim Lain di Malaysia dalam Mengawal Perairan Negara pada Abad ke-21. Jati (12). Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jati/article/download/5747/3482/12781>

Bernama. (26 Mac 2019). Peranan tentera laut tidak terhad kepada keselamatan Negara. <https://www.sinarharian.com.my/article/20232/berita/nasional/peranan-tentera-laut-tidak-terhad-kepada-keselamatan-negara>

Laksda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung. (2022). Asal Usul Istilah The Navy People. Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan, RMN Chief Engineer Office. Retrieved from <https://www.navy.mil.my/index.php/ms/informasi/arkib-berita/2022/08>

PeKhabar. (2018, April 26). Penubuhan Tentera Laut Diraja Malaysia. PeKhabar. <https://pekhabar.com/h-i-d-s-penubuhan-tldm/>.

Rozeman Abu Hassan, Mengenali dan Mentafsir Sumber-Sumber Sejarah Selangor: Karisma Publication Sdn. Bhd., 2004, hlm.148. (Pusat Kemajuan Dan Hubungan Alumni (Care) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).

TLDM (2023). Sejarah TLDM. Retrieved from <https://www.navy.mil.my/index.php/ms/mengenai-kami/sejarah>

Utusan Malaysia (27 April 2021) TLDM ke arah pemerkasaan armada negara. <https://www.utusan.com.my/gaya/2021/04/tldm-ke-arah-pemerkasaan-armada-negara/>

Yunus. A. (1995). Peranan Tentera Laut Diraja Malaysia TLDM dalam konteks dasar maritiim negara http://eprints.usm.my/30869/1/MUHAMAD_YUNUS_BIN_AHAD.pdf